

## PERATURAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT

### JUSTIFIKASI PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT

1. Memudahkan perhubungan antara pelajar, guru dan ibu bapa.

### SPESIFIKASI TELEFON BIMBIT

1. Telefon tanpa perisian Android atau iOS dan tanpa aplikasi kamera.

### SYARAT PENGGUNAAN

1. Pelajar hanya dibenarkan mendaftar/membawa/menggunakan **SATU** telefon bimbit dan telah berdaftar serta mempunyai pelekat pengesahan maktab sahaja.
2. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali membuat penyambungan wayar secara haram pada alat kelengkapan elektrik untuk tujuan mengecas telefon bimbit.
3. Penggunaan telefon bimbit **TIDAK DIBENARKAN** semasa proses Pengajaran & pembelajaran.
4. Penggunaan telefon bimbit adalah tanggungjawab pelajar sendiri. Pihak maktab **TIDAK** akan bertanggungjawab ke atas apa-apa jua kerosakan, kehilangan atau akibat daripada penggunaan tersebut.
5. Pihak maktab **TIDAK** akan bertanggungjawab, menanggung kos atau terbeban atas apa jua jenis kemalangan atau musibah akibat daripada penggunaan telefon bimbit oleh pihak pelajar.
6. Pihak maktab **BERHAK** untuk mengambil telefon bimbit pelajar bagi tujuan pemeriksaan tanpa perlu kebenaran atau dimaklumkan atau sebaliknya kepada pemiliknya pada bila-bila masa atau tempat yang difikirkan perlu.
7. Pemilik telefon bimbit adalah **TERTAKLUK** kepada sebarang perubahan peraturan penggunaan dari masa ke masa.
8. Penggubalan/penguatkuasaan peraturan-peraturan baharu adalah di bawah takluk kuasa maktab. Penggubalan/penguatkuasaan mana-mana peraturan yang

difikirkan perlu boleh dilakukan **TANPA** perlu mendapatkan persetujuan atau memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak terlibat.

9. Telefon yang dirampas akan dilabel, direkod dan disimpan di bawah pemantauan Pengetua/Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar (TPPP).
10. Pelanggaran mana-mana peraturan yang dinyatakan di atas akan mengakibatkan pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang tercatat di dalam Buku Panduan Pengurusan Disiplin Pelajar.
11. Pemulangan hanya akan diberikan kepada pemilik asal atau ibu bapa selepas selesai **proses perbicaraan JDM** (Jemaah Disiplin Maktab) bersidang.